

1. Apakah tujuan perniagaan bagi sesebuah organisasi yang bermotif untung dan bukan untung?
 - A. Menjaga kebajikan ahli organisasi
 - B. Memaksimumkan pulangan kepada pelabur
 - C. Menawarkan perkhidmatan lepas jualan
 - D. Menawarkan barang dan perkhidmatan
2. Apakah kelebihan perniagaan perkongsian?
 - A. Rakan kongsi berkongsi kepakaran
 - B. Rakan kongsi bebas membuat keputusan
 - C. Sering berlaku konflik antara rakan kongsi
 - D. Dikecuali daripada pembayaran cukai pendapatan
3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.
 - Bilangan pemilik 2 – 50 orang.
 - Pemilik perniagaan menanggung liabiliti terhad.

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A. Koperasi
 - B. Perkongsian
 - C. Milikan tunggal
 - D. Syarikat sendirian berhad
4. Antara yang berikut, yang manakah merupakan prinsip pemilikan koperasi?
 - I Keanggotaan sukarela
 - II Kebebasan autonomi
 - III Ekonomi bidangan
 - IV Pengurusan demokratik
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
5. Apakah peranan franchisor kepada franchisee?
 - A. Membekalkan tenaga kerja
 - B. Menggunakan autoriti berpusat
 - C. Menyediakan khidmat latihan
 - D. Menyediakan lokasi perniagaan

Soalan 6 dan Soalan 7 adalah berdasarkan maklumat dalam petikan yang berikut.

Encik Aziz dan Encik Murat bekerja dengan Syarikat Silvertronic Berhad, sebuah syarikat pengeluar barangan elektrik dan elektronik. Encik Aziz ialah jurujual syarikat berkenaan. Beliau dibayar ganjaran sebanyak 20% daripada jumlah jualan yang dilakukannya. Sekiranya prestasi Encik Aziz mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu mencapai sasaran jualan tahunan sebanyak RM 1.5 juta, beliau akan dibayar bonus tunai. Sementara Encik Murat ialah pengurus sumber manusia dan pendapatan bulanan beliau adalah sebanyak RM 15000.

6. Apakah bentuk penggajian Encik Aziz dan Encik Murat?

Encik Aziz	Encik Murat
A. Gaji	Komisen
B. Upah	Elaun
C. Komisen	Gaji
D. Elaun	Upah

7. Apakah peranan pengurusan sumber manusia Syarikat Silvertronic Berhad?
 - A. Menggalakkan kreativiti dan inovasi
 - B. Pemberian insentif yang munasabah
 - C. Membentuk persekitaran kerja yang harmoni
 - D. Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
8. Bagaimanakah perisian komputer dapat membantu sebuah bank untuk mencapai matlamat memaksimumkan keuntungan?
 - A. Meminimumkan kos operasi perniagaan
 - B. Dapat mengurangkan kos pembayaran gaji kakitangan
 - C. Menjamin urusan niaga dilakukan dengan cepat dan cekap
 - D. Memudahkan urusan latihan dan pembangunan kakitangan
9. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?
 - A. Guna tenaga semakin menurun
 - B. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
 - C. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat
 - D. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar
10. Apakah matlamat utama sesebuah organisasi perniagaan?
 - A. Menguasai syer pasaran
 - B. Memaksimumkan keuntungan
 - C. Membesarkan operasi perniagaan
 - D. Menjalankan tanggungjawab sosial
11. Apakah langkah yang perlu diambil oleh organisasi untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia organisasi?
 - A. Meningkatkan pembayaran gaji
 - B. Membawa masuk teknologi baharu
 - C. Meningkatkan bilangan kakitangan

D. Mengadakan latihan dan pembangunan

12. Pernyataan manakah yang benar tentang kos tetap?

- A. Kos yang ditanggung bergantung pada kuantiti produk
- B. Kos akan meningkat apabila kos bahan mentah meningkat
- C. Kos yang perlu ditanggung walaupun kilang tidak beroperasi
- D. Kos elektrik dan air adalah sebahagian komponen kos tetap

13. Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan personel dalam bahagian kewangan.

- Memeriksa bajet jabatan
- Menyediakan unjuran jualan tunai
- Menganalisis maklumat kewangan harian

Personel manakah yang memainkan peranan berkenaan?

- A. Akauntan
- B. Pegawai kredit
- C. Staf kewangan
- D. Pegawai kewangan

14. Rajah di bawah ini berkaitan dengan proses pengeluaran.



Apakah X?

- A. Proses penilaian produk siap
- B. Proses kawalan bahan mentah
- C. Proses transformasi bahan mentah
- D. Proses perancangan sumber pengeluaran

15. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kebajikan pekerja dijaga dengan baik?

- A. Gaji berpatutan
- B. Kemudahan pengangkutan
- C. Penempatan mengikut kelayakan
- D. Pengagihan kerja dibuat secara adil

16. Antara yang berikut, yang manakah terkandung dalam Standard Prosedur Operasi (SOP) ?

- I Peraturan
- II. Pematuhan
- III Kadar gaji
- IV Kelayakan cuti

- A. I dan II
- B. I dan IV

- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Maklumat berikut merupakan hukuman yang dikenakan ke atas pekerja.

- Amaran
- Penurunan pangkat
- Potongan gaji

Apakah tujuan hukuman tersebut dikenakan?

- A. Deraan psikologi
- B. Peringatan dan pengajaran
- C. Menjadi contoh kepada pekerja lain
- D. Penguatkuasaan peraturan yang ditetapkan

18. Maklumat berikut menunjukkan penyata gaji seorang pekerja.

Nama : Sargunan Saravanan	
No. Kad Pengenalan : 901026-07-4567	
	RM
Gaji	7 289
Cukai pendapatan	350
Pinjaman perumahan	800
Elaun khidmat awam	750
Pinjaman peribadi	250

Berapakah gaji bersih pekerja tersebut?

- A. RM 5 139
- B. RM 6 639
- C. RM 6 739
- D. RM 7 439

19. Apakah yang berkaitan dengan sumber fizikal bagi kedai salun gunting rambut?

- A. Ketuhar
- B. Syampu
- C. Peti sejuk
- D. Kenderaan

20. Antara yang berikut yang manakah dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987?

- A. Hak cipta
- B. Karya seni
- C. Cap dagang
- D. Petunjuk geografi

21. Antara yang berikut, yang manakah merupakan pembiayaan daripada agensi kerajaan?

- A. Overdraif
- B. Pemfaktoran
- C. Jaminan kredit
- D. Modal permulaan

22. Pernyataan manakah yang **betul** tentang Ar-Rahnu?
- A. Pinjaman yang diberi bagi memulakan perniagaan
 - B. Kemudahan pembelian invois oleh syarikat pemfaktoran
 - C. Tindakan menggadaikan barang berharga kepada institusi gadaian
 - D. Kemudahan kredit yang diberikan kepada pemegang saham semasa
23. Perbualan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkkerjaan.

Ali : Temu duga saya di Bank ABC semalam gagal sebab saya baru sahaja mendapat diploma dalam bidang perbankan.

Abu : Kalau begitu, cuba memohon kerja di tempat kerja saya di Bank XYZ, kami amat memerlukan tenaga kerja yang baru sahaja tamat pengajian.

Apakah kemahiran kebolehkkerjaan yang diperlukan oleh kedua-dua syarikat tersebut?

Bank ABC	Bank XYZ
A. Kelayakan	Pengetahuan produk
B. Pengalaman	Kelayakan
C. Pengetahuan produk	Keberkesanan capai sasaran
D. Keberkesanan capai sasaran	Pengalaman

24. Antara yang berikut, yang manakah merupakan potongan wajib dalam sistem penggajian?
- I. Bayaran skim pencen
 - II. Caruman kepada KWSP
 - III. Caruman kepada PERKESO
 - IV. Bayaran balik pinjaman perumahan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

25. Gambar menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Skim manakah yang berkaitan dengan agensi kerajaan tersebut?

- A. Program Agropreneur Muda
- B. Skim Jaminan Usahawan Mara
- C. Skim Pembiayaan Tekun Niaga
- D. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres

26. Apakah maksud titik pulang modal (TPM)?

- A. Kaedah penetapan kuantiti pengeluaran supaya hasil melebihi kos
- B. Kaedah penetapan kuantiti pengeluaran supaya kos melebihi hasil
- C. Kaedah penetapan kuantiti pengeluaran supaya memperoleh hasil bersamaan dengan kos
- D. Kaedah penetapan kuantiti pengeluaran supaya pengeluaran dapat dijalankan lebih banyak

27. Syarikat School Sdn. Bhd. mengeluarkan pakaian sekolah. Kos tetap yang ditanggung syarikat ialah RM 420 000. Pakaian sekolah dijual dengan harga RM65 seunit. Kos berubah seunit ialah RM30. Modal syarikat berjumlah RM500 000. Berapakah titik pulang modal syarikat tersebut?

- | | |
|----------------|----------------|
| A. 10 000 unit | C. 14 000 unit |
| B. 12 000 unit | D. 20 000 unit |

28. Apakah maksud kedudukan nisbah kecairan yang tinggi dalam sesebuah perniagaan?

- A. Hubungan antara kos jualan dengan stok purata
- B. Kecekapan pihak pengurusan dalam mengendalikan stok
- C. Kecekapan perniagaan dalam menggunakan asset untuk menjana jualan
- D. Mampu mendapatkan tunai untuk membayar hutang dalam tempoh yang singkat

29. Apakah peranan usahawan kepada negara?

- A. Mewujudkan sikap berdikari
- B. Mewujudkan pengaliran masuk modal asing
- C. Memupuk minat keusahawanan dalam kalangan keluarga
- D. Menyediakan pelbagai produk untuk keperluan pengguna

30. Maklumat berikut menunjukkan satu kaedah yang digunakan untuk mengaplikasikan maklumat dalam perniagaan.

- Maybank2u
- CIMB Clicks

Apakah kaedah tersebut?

- | | |
|--------------|-----------------|
| A. e-dagang | C. e-transfer |
| B. e-banking | D. e-government |

31. Apakah tujuan mengurus harta intelek?
- Melindungi nama baik perniagaan
 - Mengelakkan diri daripada dikenakan saman
 - Menjaga perniagaan daripada ancaman cetak rompak
 - Mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan dalam jenama perniagaan
32. Antara yang berikut, yang manakah merupakan akta penubuhan perniagaan?
- Akta Syarikat 2016
 - Akta Kontrak 1950
 - Akta Hak Cipta 1987
 - Akta Perihal Dagangan 1972
33. Melek dan Darya mahu menubuhkan syarikat persendirian. Mengapakah mereka perlu membuat permohonan carian nama syarikat?
- Mencari nama syarikat yang lebih bercirikan tempatan
 - Memastikan nama yang dipilih mudah diingati pengguna
 - Mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang sama
 - Mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang telah muflis
34. Encik Rahman ingin menambah seorang lagi rakan kongsi dalam perniagaan perkongsiannya. Apakah tindakan sewajarnya yang perlu dilakukan oleh Encik Rahman?
- Membubarkan perkongsian
 - Mendaftarkan semula perniagaan
 - Menghantar borang pendaftaran perubahan maklumat perniagaan
 - Menghantar borang pembaharuan pendaftaran maklumat perniagaan
35. Antara yang berikut, yang manakah kegunaan penyata kewangan sesebuah perniagaan kepada pihak pengurusan?
- Menilai keupayaan dan kecukupan dalam pengurusan hutang
 - Mengetahui kemampuan perniagaan membayar hutang dan kredit
 - Meyakinkan pelabur untuk membuat pelaburan dalam perniagaan
 - Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan dividen
36. Antara yang berikut, manakah ciri syarikat awam berhad seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016?
- | | |
|--|--|
| I. Tiada had maksimum bilangan pemegang syer | |
| II. Tiada had maksimum bilangan pengarah syarikat | |
| III. Bilangan pemegang syer sekurang-kurangnya dua orang | |
| IV. Bilangan pengarah syarikat sekurang-kurangnya lima orang | |
- | | |
|--------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan IV |
| B. I dan III | D. III dan IV |

37. Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.

Merancang keperluan sumber perniagaan

Bagaimanakah perkara berkenaan dapat membantu perniagaan?

- A. Meramal dan menangani risiko
- B. Memperoleh sumber kewangan
- C. Beroperasi dengan lebih sistematik
- D. Menyediakan garis panduan hala tuju

38. Antara yang berikut, butir manakah yang dimasukkan dalam bahagian rancangan operasi sesebuah rancangan perniagaan?

- I Carta organisasi
- II. Carta aliran proses
- III Senarai keperluan pejabat
- IV Senarai mesin dan peralatan

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

39. Ringkasan eksekutif adalah salah satu komponen dalam rancangan perniagaan. Apakah kepentingan ringkasan eksekutif?

- A. Memberi gambaran spesifik berkenaan keseluruhan perniagaan
- B. Memberi gambaran yang lengkap tentang strategi pemasaran
- C. Memberikan butiran lengkap tentang rancangan pengeluaran
- D. Membantu pembiaya membuat keputusan untuk meluluskan permohonan pinjaman

40. Sumber pembiayaan manakah yang merupakan sumber dalaman bagi sebuah syarikat berhad yang ingin mengembangkan operasi pengeluaran?

- A. Rizab
- B. Overdraf
- C. Jaminan kredit
- D. Modal permulaan daripada bank